

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN – BN]

SOALAN NO. 13

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan Akademi Sukan yang boleh diterajui oleh bintang sukan veteran bagi melatih para pelapis yang mampu meneruskan legasi dan kegemilangan sukan negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara telah menubuhkan Akademi Serantau Majlis Sukan Negara di Bukit Mertajam Pulau Pinang pada tahun 2008. Sebuah lagi Akademi Serantau di Stadium Tan Sri Dato Haji Hassan Yunos, Larkin, Johor telah ditubuhkan pada tahun yang sama, namun di atas sebab pengambilalihan pengurusan stadium oleh Persatuan Bolasepak Negeri Johor, Majlis Sukan Negara telah mengambil keputusan untuk memindahkan semua atlet dan jurulatih ke Akademi Serantau di Bukit Mertajam.
2. Seramai **78 orang atlet** daripada **6 jenis sukan** iaitu angkat berat, basikal, memanah, olahraga, tinju dan taekwondo sedang menjalani latihan secara sepenuh masa. Atlet-atlet ini juga dilatih oleh jurulatih berpengalaman sama ada dari dalam dan luar negara. Dari kalangan jurulatih ini juga adalah merupakan bekas-bekas atlet kebangsaan yang berpengalaman serta berkelayakan untuk melatih atlet-atlet muda di Akademi ini. Di antara mereka adalah Krishnan Thambusamy ('Olympian' 1968 Mexico dalam sukan olahraga).
3. Kementerian melalui Majlis Sukan Negara dengan kerjasama Persatuan Lawn Tennis Malaysia juga telah menubuhkan Akademi Tennis Kebangsaan di Kompleks Tennis Jalan Duta pada bulan Mac 2014. Penubuhan Akademi Tennis Kebangsaan ini adalah merupakan salah satu langkah dalam pelaksanaan program

SULIT

pembangunan sukan lawn tenis di Malaysia bagi melahirkan lebih ramai atlet-atlet tenis berbakat di semua peringkat. Seramai 30 orang atlet daripada tiga peringkat umur iaitu bawah 14 tahun, bawah 16 tahun serta terbuka telah mendaftar di Akademi tersebut. Atlet-atlet ini sedang dilatih oleh jurulatih tempatan dan luar negara termasuk bekas atlet kebangsaan seperti Si Yew Ming dan Muhammad Ashaari Zainal Abidin. Kedua-dua orang jurulatih ini turut dibantu oleh dua orang jurulatih luar negara.

4. Kepakaran serta pengalaman bintang-bintang veteran ini sememangnya diperlukan untuk membantu membentuk atlet-atlet remaja sedia ada. Majlis Sukan Negara turut menganjurkan program-program binaan seperti kem motivasi, kem bina semangat serta sepasukan di mana pengalaman mereka ini dikongsi bersama atlet-atlet remaja.

Sekian, terima kasih.